

## **Nahas tinggi sebab tak perkenal teksi motor**

---

KUALA LUMPUR : Kadar nahas motosikal yang tinggi membuatkan kerajaan kurang berminat melaksanakan penggunaan teksi motosikal atau ride – hailing atas faktor keselamatan. Menteri Pengangkutan Anthony Loke Siew Fook berkata, Kemudahan pengangkutan itu memerlukan tahap piawaian keselamatan yang tinggi sebelum boleh dilaksanakan walaupun menyedari ia digunakan secara meluas di Indonesia. "Pihak bertanggungjawab seperti Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) perlu mengkaji pelaksanaan ride-hailing secara menyeluruh." Kita baru perkenalkan dan meluluskan e-hailing untuk kereta, itu pun jadi isu besar." Oleh itu, buat masa ini, kerajaan belum bersedia meluluskan ride hailing," katanya menjawab soalan tambahan Khairy Jamaluddin (BN-UMNO Rembau) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Kepada soalan asal Khairy mengenai penangguhan projek Laluan 3 Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT3), Loke berkata , perkembangan seterusnya projek itu bergantung kepada keputusan Kabinet. " Soal bila projek MRT3 akan dihidupkan semua terpulang kepada keputusan Kabinet kerana ia perkara besar. " Keutamaan kerajaan sekarang ialah mengurangkan kadar hutang negara terlebih dulu. Projek penting seperti MRT3 akan diberi pertimbangan apabila kedudukan kewangan pulih," katanya. Loke mengakui, MRT3 membawa pelbagai manfaat kepada rakyat dan negara, namun kerajaan tetap perlu membuat kajian terhadap pelaksanaannya.

---

**SUMBER: HARIAN METRO | M/S: 23 | 1 OGOS 2018**